

UUM ONLINE: Seramai 220 atlet Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mewakili universiti ini ke Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Awam Malaysia ke-36 (SUKUM36) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), pada 8 hingga 17 Julai ini.

Sebanyak 12 pasukan akan berentap dalam pelbagai acara yang akan mereka sertai antaranya bola sepak senior dan veteran, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, ping pong campuran, tempin boling lelaki dan wanita, karom, tenis, dan boling padang.

Bendahari UUM, Amron Man mengingatkan kontinjen UUM untuk memiliki percaturan strategi yang bijak bagi memastikan kemenangan dalam kejohanan ini.

"Sekiranya tahun lepas UUM hanya mendapat tempat keempat, akan tetapi kita mengharapkan UUM menjadi juara atau naib juara pada tahun ini," katanya.

Tambah beliau, warga universiti ini mengharapkan kontinjen UUM untuk pulang membawa kejayaan sebagai bukti kesungguhan mereka dalam mengharumkan nama universiti.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak, dalam majlis penyerahan bendera UUM kepada kontinjen universiti yang akan berjuang di SUKUM36.

Sementara itu, Timbalan Ketua Kontinjen, Prof Madya Dr Juzhar Jusoh berkata, persediaan pasukan UUM kali ini sangat mantap dan berharap agar semua atlet yakin kepada diri sendiri untuk mengelak daripada kelemahan kekuatan mental ketika berada di gelanggang kelak.

"Pada pengamatan saya, semua atlet kita mempunyai keistimewaannya tersendiri dan masing-masing mempunyai potensi untuk berjaya. Semua juga sama hebat tetapi apa yang membezakan antara yang cemerlang dan sebaliknya adalah sikap serta komitmen mereka," katanya.

Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Awam Malaysia (SUKUM) merupakan temasya sukan tahunan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Bagi kejohanan kali ke-36 ini, pihak penganjur telah mempertandingkan enam anugerah khas pada tahun ini, iaitu Pendaftaran Kontinjen Terbesar, Penyertaan Staf Veteran Teramai, Kontinjen Sihat Cergas, Semangat Sukan Tertinggi (Kategori Gelanggang), Semangat Sukan Tertinggi (Kategori Padang) dan Kontinjen Bersemangat Sukan Tertinggi.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my